

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Sudah hendak difikirkan apakah maksudnya rencana pengarang Utusan Melayu pada 24 Julai tatkala memberi fikiran tentang kegentingan wang di Persekutuan Tanah Melayu dengan katanya: “Perbelanjaan-perbelanjaan boleh dikurangkan juga kalau kerajaan *Federation* tidak melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang diperbuatnya dalam membentuk pasukan penyembur ubat kimia, untuk membunuh lalang-lalang di tepi jalan sebagai mencegah gerakan serangan hendap pengganas-pengganas.

Kalau difaham maksudnya perkataan ini terang dengan nyata bahawa Utusan Melayu telah menuduh kerajaan membuat suatu kesalahan dengan langkah-langkahnya membersihkan tepi-tepi jalan (membunuh lalang-lalang) yang di dalamnya kerap kali bersembunyi pengganas-pengganas yang menyerang kereta api dan seumpamanya dengan membawa kerugian-kerugian yang besar kepada penduduk-penduduk dan kerajaan bahkan Sir Gerald Templer Persurujaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu telah menghukum penduduk kampung Broga kerana tak mahu menebas lalang, membersihkan kampung halaman dan memberi sepenuh-penuh kerjasama kepada kerajaan dalam ikhtiar menghapuskan pengganas-pengganas di Malaya ini.

Jika benar sangkaan yang tersebut iaitu Sir Gerald Templer telah melakukan suatu kesalahan dalam usaha membersihkan lalang-lalang itu sebagai tempa yang merbahaya kepada keselamatan negara maka sudah tentu akan terbit suatu pertanyaan iaitu “adakah Utusan Melayu berhajat supaya di tepi-tepi jalan itu dipenuhi oleh lalang-lalang yang di dalamnya boleh bersembunyi pengganas-pengganas untuk memudahkan serangan-serangannya?”

Sekiranya pertanyaan ini berjawab ia, maka akan terzhahir bahawa di sebalik daripada tujuan itu di suatu cita-cita atau sekurang-kurangnya ada hasrat Utusan Melayu gemar supaya lalang-lalang itu hidup dengan suburnya memudahkan untuk

pengganas-pengganas itu bersembunyi.

Jika sekiranya Sir Gerald Templer melakukan hukuman-hukuman yang berat kepada mereka yang tidak menunjukkan kerjasama dalam menghapuskan pengganas-pengganas Semenanjung ini maka perkara yang sedemikian ini pada pandangan kita patut mendapat perhatian yang tepat oleh kerana pandangan itu nampaknya bertujuan apa jua yang diikhtiarkan oleh kerajaan dengan segala tenaganya untuk menghapuskan pengganas itu sebagai suatu kesalahan yang dicatat.

Kejatuhan harga getah dan timah tak dapati ada berkesan kepada iktisad Malaya tetapi sekalian orang tentu sedar bahawa belanja melawan pengganas-pengganas itulah yang mengeringkan Baitulmal kerajaan negeri-negeri Melayu maka dengan kerana ini sekalian penduduk yang kasihkan watan wajib bekerjasama menghapuskan pengganas-pengganas itu bukan sahaja pada segi perbuatan dan tujuannya serta kekejamannya bahkan juga menyelamatkan iktisad negeri dan malangnya kita mendapati ada akhbar yang zahirnya berfikiran sebaliknya.

\*\*\*

Orang-orang melihat suatu itu adalah dengan keadaan dan bukti yang nyata yang dapat dilihat dan diketahui orang. Perkataan sahaja tentu tidak akan memberi faedah atau tidak akan disambut orang apabila orang melihat bahawa langkah-langkah yang dijalankan berlawanan daripada apa yang dicakapkan dengan kerana itu payah orang hendak membenarkan apa yang dikata oleh Tengku Abdul Rahman Putra di Kedah sedikit hari yang lalu yang mengatakan bahawa orang-orang atau pertubuhan-pertubuhan yang mengatakan UMNO itu membelakangkan gama “adalah betul-betul khianat kepada perjuangan dan kemerdekaan tanah air.” Seterusnya Tengku itu menyatakan atau dengan terang menepuk dada

bahawa tidak ada pertubuhan yang lain selain daripada UMNO yang telah berjasa memberi pertolongan kepada orang-orang Islam sewaktu mereka itu ditimpa kesusahan atau berkehendak kepada pertolongan.

Betul atau tidak percakapan Tengku itu bergantung kepada apa yang telah dibuat dan yang akan dibuat. Perkataan itu akan menjadi dusta semata sekiranya tidak ada buktinya dan kerana itu semolek-moleknya buktikanlah supaya terang adakah UMNO itu membelakangkan agama Islam, telah membantu orang-orang Islam atau pun orang-orang Islam, dengan nama Islam. Dipujuk menjadi pak turut UMNO dengan maslahat mereka itu tidak diendahkan atau pun dibelakangkan langsung.

\*\*\*

Guru-guru Melayu Singapura sekarang nampaknya telah gelisah setelah nampak kesan-kesan daripada rancangan pelajaran Friesby pada tahun 1951 yang lalu. Tatkala rancangan itu mula dijalankan pihak guru-guru itu sendiri telah menggalakkan ibu bapa yang tidak mengetahui selok beloknya menyokong dan mempersetujui rancangan itu dengan mereka tidak lebih dahulu menghalusi dan menyiasat lebih jauh apakah kesannya kepada kedudukan guru-guru itu sendiri dan juga kepada anak-anak Melayu yang akan belajar di dalamnya.

Sekarang telah nampak guru-guru Melayu rugi dan juga anak-anak kita Melayu pun demikian juga yang sudah terbayang pelajaran di dalamnya—berbahasa Melayu sendiri pun tidak sempurna dan bahasa Inggerisnya pun tak dapat diketengahkan atau tak boleh dipakai. Natiujahnya akhirnya menjadi peon pun tak dapat dan kalau tak ada kerja akhirnya duduk di tepi-tepi sinema atau panggung wayang “mengawas” atau “cari can” perempuan-perempuan cantik tengok wayang dan kerana tidak cukup pelajaran.

\*\*\*

Sekarang telah timbul cogan-cogan “merdeka dahulu kemudian baharu agama Islam” kalau kita perhati faham ini kita tidak dapat menentukan adakah sebenar-benarnya Islam

menyuruh tiap-tiap pemeluknya membelakangkannya kerana menyampaikan cita-cita untuk mempercayainya.?

Sepanjang yang kita ketahui bahawa Islam memberi pengajaran bahawa mereka semenjak daripada perut ibunya merdeka dan tatkala besarnya disuruh menjadi khalifah Allah di buminya tetapi tidak ada menyebut atau memerintahkan supaya agama itu dikebelakangkan daripada yang lain-maknanya kita melihat sendiri untuk merebut kemerdekaan itu kita melanggar dahulu segala perintah-perintah Tuhan dan kita berkeyakinan bahawa tidak akan didapat suatu kemerdekaan terutamanya pola kemerdekaan itu dituntut bersama-sama orang kafir pada hal Allah telah mengingatkan bahawa janganlah kita percaya kepada orang-orang kafir oleh kerana mereka itu sentiasa akan memalingkan kamu.

\*\*\*

Payah rasanya hendak mencari suatu alasan atau keterangan agama untuk menentukan adakah benar pendapatan tuan Haji Hasan Yunus, pegawai penerangan UMNO bahagian Muar pada pertengahan bulan Ogos yang lalu yang menyatakan bahawa perpaduan UMNO-M.C.A. itu adalah ilham daripada Tuhan.

Kita tidak dapat memikirkan mengapa sampai begitu sekali perkara bekerjasama di antara sebuah pertubuhan Melayu yang tidak berasaskan atau lebih terang tidak menjalankan kehendak-kehendak Islam dengan sebuah pertubuhan anak-anak dagang (Cina) yang telah tidak puas dengan penjajahan iktisadnya di negeri itu dipandang sebagai suatu “ilham” daripada Tuhan untuk memberkati kita?

Orang-orang Melayu atau khasnya orang Islam masih berasa syak, atau tetap syak bahawa di dalam kerjasama itu tidak ada satu keuntungan yang akan didapati dan sekiranya kemerdekaan Melayu didapati di antara perpaduan UMNO-M.C.A. itu, agama Islam akan merdeka juga daripada penjajahan, kita berkeyakinan adalah yang demikian itu keduanya angan-angan kosong yang tidak dapat diisi kerana adakah

(sambungan pada muka 38)